



**AKADEMI SENI BUDAYA DAN
WARISAN KEBANGSAAN**
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI
DAN BUDAYA MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada **Kontraktor-Kontraktor** Bumiputera yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam bidang **Bekalan/Perkhidmatan** di bawah **Kod Bidang** berkaitan yang masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TAWARAN DITUTUP
1.	Perkhidmatan Bagi Pembersihan dalam Bangunan, Pembersihan Luar, Penyelenggaraan Seni Taman dan Kawalan Serangga Perosak di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, 464, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur. T/KPK/ASWARA/M/02/2019	Pejabat Bendahari Blok 1, Aras 2 Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) 464, Jalan Tun Ismail 50480 Kuala Lumpur Isnin, 7 Oktober 2019 hingga Jumaat, 25 Oktober 2019	Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang 221001, 221002 dan 220901	Isnin, 7 Oktober 2019 Pada Jam 10:00 pagi Bilik Aula Perdana, Blok 1, Aras 2 Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Lawatan Tapak adalah WAJIB	Selasa, 29 Oktober 2019 Pada Jam 12:00 tengah hari Tawaran Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan

- Dokumen Tawaran boleh diperolehi mulai **7 Oktober 2019 (Isnin)** pada waktu pejabat (**8.30 pagi – 4.00 petang**) di **Pejabat Bendahari, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan Blok1, Aras 2, 464 Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur** dengan harga **RM200.00**. Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Tunai / Bank Draf** atau **Kiriman Wang** di atas nama **Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan** (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Kontraktor dikehendaki menunjukkan Sijil Asal Akuan Pendaftaran seperti syarat yang ditetapkan di atas dan masih sah tempohnya serta satu salinan bagi Sijil tersebut semasa membeli Dokumen Tawaran.
- Naskah Meja tawaran boleh disemak di kaunter **Pejabat Bendahari, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan Blok1, Aras 2, 464 Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur** bermula **7 Oktober 2019 (Isnin)** pada waktu pejabat (**8.30 pagi – 4.00 petang**). Hanya penama di dalam Sijil **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** sahaja boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini. (**wakil tidak dibenarkan**)
- ASWARA tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. ASWARA berhak untuk membatalkan, menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

REKTOR
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
Pejabat Bendahari,
Blok 1 Aras 2, 464 Jalan Tun Ismail,
50480 KUALA LUMPUR